



**SCIENCEFUND  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI**

---

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMINDAHAN V-SIRI**

**TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan mengemaskini garis panduan mengenai permohonan pemindahan V-siri bagi semua universiti/institusi penyelidikan yang menerima Geran ScienceFund.

**LATAR BELAKANG**

Program ScienceFund merupakan skim geran R,D&C yang menyediakan pembiayaan bagi penyelidikan sains gunaan yang boleh menyumbang kepada penemuan idea baru dan peningkatan pengetahuan sains gunaan dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan yang berimpak tinggi dan bernilai inovasi di bawah lima (5) klaster iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Bioteknologi, Industri, *Sea to Space* dan Teras Sains dan Teknologi. Program ini memberi penekanan kepada penyelidikan yang berorientasikan pasaran dan berpotensi untuk dikomersilkan. Sehubungan itu, kelulusan projek-projek R,D&C akan mengambil kira faktor kejayaan yang kritikal seperti kesesuaian teknikal dan kemungkinan pasaran, pengurusan risiko, kecukupan sumber manusia dan kewangan, sokongan institusi serta model perniagaan dan pengkomersilan yang berdaya maju.

Selaras dengan usaha tersebut dan pelaksanaan projek-projek pembiayaan ScienceFund, pihak penyelidik telah berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah. Antara masalah-masalah yang dikenal pasti sama ada melalui siri perbincangan, mesyuarat dan juga sesi dialog dengan pihak penerima geran ialah isu jumlah peruntukan yang tidak mencukupi dan keperluan perubahan V-siri. Bagi mengurangkan atau mengatasi isu-isu tersebut Kementerian telah membuat satu keputusan supaya perkara-perkara di bawah boleh diambil tindakan oleh institusi berkenaan.

## **DEFINISI**

Bagi maksud pekeliling ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

**"Pemindahan V-siri"** ertinya sebarang perubahan yang dilakukan ke atas satu V-siri tanpa mengubah peruntukan asal projek yang telah diluluskan.

## **PERMOHONAN PEMINDAHAN V-SIRI**

Sekiranya perubahan V-siri adalah **kurang 20%** daripada jumlah asal penerima maka, universiti/institusi penerima geran ScienceFund boleh membuat pertimbangan untuk meluluskan permohonan tersebut. Kelulusan ini hendaklah **dimaklumkan kepada Seksyen Dana, Bahagian Perancangan**. Pemindahan V-siri yang **melebihi 20%**, perlu dirujuk kepada Kementerian untuk mendapatkan kelulusan.

**Sebagai contoh**, jumlah asal peruntukan bagi V35000 ialah RM1,000.00. Adalah didapati V35000 memerlukan peruntukan tambahan. Oleh itu, V35000 hanya boleh menerima peruntukan tambahan sebanyak 20% daripada RM1,000.00 iaitu RM200.00 sahaja daripada mana-mana V-siri.

Pertimbangan kelulusan di atas adalah berdasarkan kepada **justifikasi kukuh** serta **memuaskan**. Sebarang permohonan yang tiada justifikasi **tidak** akan diberi pertimbangan.

Bagi permohonan V-siri yang **melebihi 20%**, pemindahan peruntukan hendaklah menggunakan **borang** atau **format** seperti di **Lampiran**.

Pemindahan V-siri hanya boleh dilakukan **sekali** dalam tempoh pelaksanaan projek.

**LAMPIRAN****PERMOHONAN PEMINDAHAN V-SIRI**

Nama Pemohon :

Institusi Pemohon :

No. Projek :

Tajuk Projek :

Ulasan Koordinator :

**AGIHAN PERUNTUKAN**

Category	Total Approved Year 1 (RM)	Total Approved Year 2 (RM)	Total Approved Year 3 (RM)	Total Approved (RM)
<i>Temporary and Contract Personnel (V11000)</i>				
<i>Travel and Transportation (V21000)</i> a) Domestic b) International				
<i>Rentals (V24000)</i>				
<i>Research Materials and Supplies (V26000)</i>				
<i>Minor Modifications and Repairs (V28000)</i>				
<i>Special Services (V29000)</i>				
<i>R&amp;D Equipment and Accessories (V35000)</i>				
<b>Total Approved (RM)/Year</b>				

Nota : Lampiran ini hendaklah dinyatakan dalam dua salinan iaitu untuk agihan asal dan agihan yang dipinda (Sila sertakan justifikasi pemindahan V-siri).